

04/12/1999

13 perjanjian maritim dimeterai

INDUSTRI maritim negara bertambah kukuh dan mendapat suntikan semangat baru berikutan termeterainya 13 perjanjian persefahaman (MoU) membabitkan syarikat maritim tempatan dan antarabangsa.

Memorandum itu bertujuan membuka ruang lebih luas untuk kerjasama bagi memajukan teknologi pertahanan maritim, komunikasi dan pembangunan perniagaan dua hala.

Daripada 13 MoU itu, 10 perjanjian membabitkan anak syarikat Penang Shipbuilding Corporation (PSC). Semua majlis MoU yang berlangsung serentak di Awana Porto Malai, Langkawi itu disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

MoU itu membabitkan Flagship Training dengan Global Teamwork Sdn Bhd; Dawn Enterprise Sdn Bhd (Dawn Enterprise) dengan N Sundin DockstaVarvet AB; Dawn Enterprise dengan ISNS Holdings Sdn Bhd (ISNS Holdings); Guardian Horizon (M) Sdn Bhd dengan Ocean Spirit Dive Ptg Ltd; PSC Naval Dockyard (PSCND) dengan Fincantieri yang beribu pejabat di Itali.

Selain itu, Business Focus Information Technology (Business Focus) dan Oracle Corporation; Business Focus dan Compaq Computer Corporation; PSCND dan Cosmos; PSCND dan Russian State Corporation Rosvoorouzhenie Russia; PSCND dan British Aerospace; PSC Defence Technology dan Thomson CSF; PSCND dan Bofors Weapon System AB dan PSCND dan British Aerospace for Sakti Gun in Afrika Continent.

Bagi MoU antara Dawn Enterprise dan ISNS Holdings misalnya, perjanjian membabitkan pemasangan, pemasaran dan pengedaran Sistem Pengesanan Global (GPS) bawah laut bagi menjayakan sistem pelayaran di Asia Tenggara.

Sistem yang direka bentuk oleh ISNS Holdings yang beribu pejabat di Pulau Pinang itu membuktikan kualiti dan kecanggihan produk yang dihasilkan mencapai taraf dunia.

MoU berkenaan ditandatangani oleh Pengarah Eksekutif Dawn Enterprise, Zora Wahab, manakala ISNS Holdings diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Franz C Heldwein.

(END)